

A W A N G H A D S A L L E H

Tokoh Pendidikan
Negara

Haris Fadillah

Pustaka Bakti Wira

PUSTAKA BAKTI WIRA

3 B - 5 FLAT UDA,
JALAN PANTAI BARU,
59100 KUALA LUMPUR.

© Pustaka Bakti Wira
Cetakan Pertama 1996

AMARAN ATAS HAKCIPTA

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Haris Fadillah

Awang Had Salleh : tokoh pendidikan negara / Haris Fadillah.
(Siri tokoh-tokoh negara)

ISBN 983-827-099-7 (set)

ISBN 983-827-100-4

I. Awang Had Salleh, Tan Sri Dato', 1934-. 2. Educators--Malaysia
--Biography. I. Judul. II. Siri.

923.7595

Dicetak Oleh:

Cetaktama Sdn. Berhad,

B4-09 (4th Floor) K.L.,

Industrial Park, #653, 5th Mile Klang Road.

58200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 7923122 / 7915443.

M 882820

M
453 1595
AWA H

10 SEP 1997
Perpustakaan Negara
Malaysia

KANDUNGAN

Muka Surat

1. Tanggal 24 Jun 1935	1
2. Pertengahan Tahun 1950	13
3. Suatu Pagi Di Awal Tahun 1951	19
4. Pertengahan Tahun 1951	23
5. Awal Tahun 1954	29
6. Bakat Dalam Bidang Penulisan	36
7. Kecemerlangan Dalam Bidang Akademik	41

TANGGAL 24 JUN 1935

TIDAK ada sesiapa pun yang tahu kecuali jiran-jiran yang terdekat di sebuah perkampungan Melayu di Balik Pulau, Pulau Pinang, suara bayi bergema memecah keheningan pagi subuh.

Bidan pun menyambut bayi itu dengan mesra dan memotong tali pusat yang masih kemerahan itu dengan



Ayah Awang Had Salleh

cermat. Tangisan bayi itu sudah bergema. Seketika kemudian, Pak Salleh menyambut anak itu lalu di-azankan. Azan yang ditiupkan itu adalah untuk memuji kebesaran Allah di samping berharap anak itu menjadi manusia berguna.

Pak Salleh memandang isterinya yang mulai sadar di perbaringan. Diletakkan bayi itu di sisi isterinya. Perempuan muda yang dikahwininya kira-kira sepuluh tahun lalu itu mengorak senyum.

Senyuman gembira meniti di bibirnya setelah dia selamat melahirkan anak yang keempat. Bayi itu masih terpejam dan tidak bergerak di dalam bungkus kain yang putih bersih itu. Bayi itu adalah lambang kebahagiaan keluarga Pak Salleh.

"Tahniah, Salleh! Anak kau ini, aku rasa akan menjadi orang terkenal suatu hari nanti," ujar Merican, jiran Pak Salleh.

Pak Salleh memandang anaknya lantas bertanya kepada Merican. "Bagaimana kau dapat tahu?"

"Cuba lihat, keningnya lebar. Kata orang tua-tua, anak yang berkening lebar ini menandakan suatu hari kelak dia akan menjadi ahli cerdik pandai dan disegani dalam masyarakat!" jelas Merican.

"Entahlah!" Pak Salleh melepaskan keluhan. Kata-kata Merican itu sedikit sebanyak menumbuhkan semangat baru kepadanya.

"Yang pentingnya kita sebagai ibu bapa mesti memberi kasih sayang serta pendidikan untuk anak kita," sambung Pak Salleh.

Merican mengangguk. Manakala wanita-wanita lain yang memenuhi ruang bilik 10 x 10 meter itu memasang telinga, mendengar perbualan daripada kaum lelaki.

"Aku yakin, Salleh. Budak ini akan berjaya pada suatu hari kelak," kata Merican lagi.

"Terima kasih, Merican atas penghargaan kau. InsyaAllah, kalau umur kita panjang, dapatlah sama-sama kita melihat kejayaan anak ini."

Pak Salleh bertugas di pejabat Telekom. Kehidupannya sering berpindah-randah dari suatu tempat ke suatu tempat. Gaji yang ditawarkan oleh pentadbir British tidaklah setinggi mana, hanya mampu menampung belanja makan minum dan pakaian serta membayar sewa rumah.

(Anak kecilnya itu dinamakan Awang Had. Tetapi di kalangan keluarganya, Awang Had lebih dikenali dengan panggilan 'Khalid'. Abang-abang Awang Had gemar memanggilnya 'Khalid'. Begitu juga di kalangan teman-teman sepermainan Awang Had, panggilan manja, 'Khalid' tetap meniti di bibir masing-masing.

Seperti kanak-kanak lain, Awang Had membesar seperti biasa. Curahan kasih sayang daripada Pak Salleh



Ibu Awang Had Salleh

dan isterinya tidak berbelah bagi. Setelah berusia 5 tahun dan sementara menanti memasuki alam persekolahan, Awang Had telah diajar ilmu-ilmu akhirat. Pak Salleh melatih Awang Had membaca al-Quran di samping mengerjakan salat setiap lima waktu.

Begitu juga dengan abang-abangnya yang lain, tidak terkecuali menerima didikan agama daripada Pak Salleh. Orang tua itu amat mengambil berat tentang pendidikan agama.

Awang Had ialah budak yang pendiam. Dia tidak membantah segala nasihat dan teguran kedua-dua orang tuanya. Walaupun hidup dalam keluarga sederhana, Awang Had tetap bahagia dan gembira.

Setelah berusia 6 tahun, Awang Had dihantar bersekolah di kelas prasekolah. Pada waktu itu, kelas berkenaan dikenali sebagai 'darjah sipor'. Setelah beberapa bulan melalui alam persekolahan prasekolah, Pak Salleh menerima arahan untuk bertukar ke Kedah.

Buat pertama kali Awang Had dan abang-abangnya bersekolah di Sekolah Melayu Pekan Tawar, Baling, Kedah. Pak Salleh bertugas di pejabat Telekom berhampiran sekolah tersebut.

Menjelang awal 1940-an, Perang Dunia Kedua pun meletus. Jerman mula mengganas di negara Eropah. Manakala Jepun sudah mula menguasai sebahagian besar daripada negeri-negeri di Asia Tenggara.

Awang Had sekali lagi mengikut neneknya berpindah ke Alor Setar. Di Alor Setar, Awang Had barulah dapat mengikuti pelajarannya dengan sempurna. Dia memasuki Darjah Satu di Sekolah Melayu Seberang Perak (Lelaki).

Guru-guru yang mengajar Awang Had garang-garang belaka. Melalui mata pelajaran Ilmu Hisab, Awang Had dikehendaki menghafal sifir. Sikap garang

guru-gurunya menyebabkan Awang Had dan rakan-rakan sekelasnya tekun menghafal sifir.

Pada suatu pagi selepas waktu rehat, Cikgu Maarof, guru Ilmu Hisab (Matematik) melangkah masuk ke bilik darjah Awang Had. Murid-murid semuanya tunduk dan senyap.

"Hari ini saya akan soal sifir 2! Sudah bersedia kamu semua?" tanya Cikgu Maarof.

Kegarangan Cikgu Maarof semasa mengajar Awang Had dan rakan sekelasnya itu tidak meninggalkan kesan pembelajaran yang baik, bahkan makin menakutkan murid-murid.

Pengajian di darjah 1, di Alor Setar tidaklah begitu lama kerana Pak Salleh sekali lagi bertukar ke Bedong, Kedah. Awang Had bersekolah di sekolah Melayu Semeling, dengan membonceng basikal seorang posmen.

Rakannya, Syed Abu Bakar dan Syed Faisol memang rapat dengan Awang Had. Kebetulan mereka ialah jiran tetangganya sewaktu di pekan kecil Bedong itu.

Pada suatu tengah hari, mereka terlewat dijemput pulang dari sekolah. Awang Had dan kedua-dua orang rakannya keluar dari pintu pagar sekolah. Setelah mengatur langkah kira-kira 1 kilometer, mereka telah melintasi kebun tembikai milik seorang pekebun berbangsa Cina.

"Khalid, cuba *bang* lihat di sana!" Syed Abu Bakar menuding jarinya ke arah beberapa biji tembikai yang masak di kebun itu.

"Tembikai!" sahut Syed Faisol, adik Syed Abu Bakar setelah melihat abangnya menuding jari ke arah buah itu.

Awang Had yang ketika itu sedang mengelap mukanya yang berpeluh itu terpandang buah-buah tembikai di atas tanah.

"*Hang* hendak buat apa dengan buah itu?" tanya Awang Had.

"Awang, bagaimana kalau kita bertiga ambil seorang sebiji! Tekak aku hauslah," cadang Syed Abu Bakar.

"Hish, tak baik *bang* mencuri. Aku tak beranilah."

"Alah, *bang* nil, bukan tuannya nampak," ujar Syed Abu Bakar.

Adiknya, Syed Faisol mengangguk. Mereka memandang Awang Had. Mereka menunggu keputusan Awang Had.

"Aku takutlah," sekali lagi Awang Had membuat pangakuan.

"Kalau begitu, *bang* tunggu di luar pagar. Aku dan Faisol masuk petik buah tembikai itu."

Syed Abu Bakar dan adiknya terus menyusup masuk ke dalam pagar kebun tembikai itu. Beberapa minit kemudian, mereka mencempung tiga biji buah tembikai keluar dari kebun itu.

Awang Had dan kedua-dua orang rakannya menjamah buah tembikai yang kemerahan tengah hari itu. Perbuatan mereka tidak diketahui oleh sesiapa pun. Namun mereka bertiga sering dihantui wajah pekebun Cina itu kalau-kalau perbuatan mereka diketahuinya.

Setelah hampir setahun di Bedong, Pak Salleh ditukarkan bertugas di pejabat Telekom di pekan Gurun yang letaknya tidak berapa jauh dari pekan Bedong.

Tidak berapa lama bertugas di Gurun, Pak Salleh diarahkan bertukar semula ke Alor Setar. Awang Had dimasukkan semula ke Sekolah Melayu Seberang Perak (Lelaki). Di sekolah itu Awang Had menduduki Darjah 3 dan bertemu semula dengan guru-guru dan rakan-rakannya.

Kehidupan Awang Had pada waktu itu lebih banyak di bawah asuhan nenek. Ini adalah kerana ibunya sudah beberapa tahun pulang ke alam baqa. Pak Salleh telah berkahwin lain dan balik bertugas ke Pulau Pinang semula setelah beberapa waktu bertugas di Alor setar.

Awang Had banyak berdamping dan manja dengan neneknya. Neneknya tidak mengabaikan kehidupan cucunya itu. Awang Had sentiasa didedahkan dengan ilmu-ilmu agama dan patuh segala nasihat neneknya.

Seperti sekolah-sekolah terdahulu, iaitu di Semeling dan Gurun, Awang Had tetap mengikut pelajaran yang sama, iaitu kemahiran sifir. Bahkan dia menemui guru-guru yang sama kerenah dan bersikap *cege* (garang) terhadap mereka. Namun Awang Had tetap tabah menghadapi sikap gurunya yang garang tatkala mengajar di bilik darjah.

Sewaktu di Darjah 4, Awang Had telah menunjukkan kesungguhan dalam setiap mata pelajaran yang dipelajarinya. Ini jelas ketara, kemahiran Awang Had terserlah dalam mata pelajaran Ilmu Hisab (Matematik), Ilmu Alam (Geografi), dan Seni Lukis.

Guru-gurunya seperti Cikgu Omar Mohamad, Cikgu Ismail dan Cikgu Hamid Ali amat mengagumi kebolehan Awang Had jika dibandingkan dengan murid-murid lain.

Dalam hati Awang Had, dia berkeinginan untuk memasuki *Special Malay Class* apabila tamat peperiksaan Darjah 4 nanti. Pada waktu itu, murid-murid yang terpilih untuk mengikuti kelas berkenaan akan melanjutkan pelajaran mereka ke Kolej Sultan Abdul Hamid.

Apabila keputusan peperiksaan Darjah 4 diumumkan, Awang Had memperolehi kejayaan yang

cemerlang dan menandingi murid-murid lain di sekolah tersebut.

Cita-cita Awang Had untuk mengikuti *Special Malay Class* terbantut kerana ayahnya, Pak Salleh gagal menunjukkan surat beranak yang sebenar kepada pihak Pejabat Pelajaran Kedah/Perlis. Awang Had tidak diterima masuk walaupun Pak Salleh mengemukakan surat sumpah yang ditandatangani oleh majistret Sungai Petani.

"Tidak mengapalah, anakku. Nampaknya rezeki *bang* belum lagi terbuka. Kita orang miskin, apalah ada pada kita untuk meyakinkan pegawai-pegawai di Pejabat Pelajaran itu," ujar Pak Salleh yang sudah sedaya upaya berikhtiar untuk memasukkan Awang Had ke Kolej Sultan Abdul Hamid.

Nampaknya nasib anaknya itu adalah sama dengan nasibnya. Cita-citanya juga terbantut untuk ke *Special Malay Class* lantaran kemiskinan keluarga dan tidak berpengaruh.

"Kita orang miskin dan tidak berharta pula, siapa hendak mendengar cakap kita!" sambung Pak Salleh penuh sayu.

Awang Had menundukkan kepalanya. Air matanya tergenang di kedua-dua belah kelopak matanya. Dia amat berkecil hati sebab ketiadaan surat beranak telah membantut cita-citanya untuk ke *Special Malay Class*.

Rakan-rakannya yang berjaya melanjutkan pelajaran ke *Special Malay Class* kebanyakannya anak-anak orang yang berada dan bapa mereka berjawatan tinggi di pejabat kerajaan seperti Abdul Rahim Ashaari, Abu Bakar, Abu Hassan Ashaari, Abdul Hamid Zainuddin, Ahmad Mustaffa Hassan dan Boonlet Somchit.

Mahu tidak mahu, Awang Had menyambung pelajarannya ke Sekolah Melayu Sungai Korok Lama yang

tidak berapa jauh dari Kampung Kota Tanah, tempat tinggal Awang Had.

Sekolah Melayu Sungai Korok Lama juga menempatkan murid-murid yang ingin mengikuti pelajaran di Darjah 5 dan Darjah 6.

Kegagalan Awang Had ke Kolej Sultan Abdul Hamid tidak melemahkan cita-citanya selepas itu. Dia bertekad untuk terus belajar hingga berjaya. Nenek Awang Had sentiasa mengambil berat dan memberi dorongan untuk tidak mematahkan semangatnya.

"Khalid!"

"Ada apa, tok?"

"Mulai hari ini, *hang* kena bawa nasi lemak yang tok buat ini dan jual di sekolah," cadang neneknya.

"Bagus juga, tok. Sekurang-kurangnya dapat juga mengurangkan bebanan kita," akui Awang Had.

"Lid juga disuruh oleh Cikgu Fadzil menjual bubur kacang yang dibuat oleh isterinya. Dapatlah sikit komisyen," sambung Awang Had.

"Khalid, jaga baik-baik duit orang. *Hang* mesti amanah. Satu sen pun kita tak boleh makan duit orang. Biarlah beberapa sen pun isterinya beri upah, *hang* mesti bersyukur," pesan neneknya.

"Baiklah, tok!"

Guru besar sekolah tempat Awang Had belajar waktu itu iaitu Cikgu Fadzil Abu Bakar amat tertarik dengan kebolehan Awang Had dalam mata pelajaran Ilmu Hisab.

"Khalid!"

"Ada apa, cikgu?" Awang Had bergegas mendapatkan guru besarnya yang juga terkenal dengan sikap garangnya.

"Malam ini *hang mai* sekolah," kata Cikgu Fadzil.

"Buat apa ke sekolah malam-malam, cikgu?" tanya Awang Had.

"*Hang mai* juga mulai malam ini. Jangan banyak soal lagi!" tegas Cikgu Fadzil.

Rupa-rupanya Cikgu Fadzil meminta Awang Had membantunya mengajar Ilmu Hisab kepada murid-murid lain. Waktu malam-malam yang lain ketika Cikgu Fadzil banyak tugas, Awang Had mengambil alih sepenuhnya tugas mengajar murid-murid dan juga rakannya yang masih lemah dalam mata pelajaran berkenaan.

"Baguslah *hang* diberi kepercayaan oleh Cikgu Fadzil mengajar kami," ujar Yusof.

"Inilah yang buat aku malu. Mengajar rakan sendiri," Awang Had merendah diri.

"Sebenarnya *hang* kena yakin kepada diri sendiri. Ini adalah suatu penghormatan yang diberikan kepada *hang*. Tidak semua orang boleh buat seperti yang *hang* lakukan ini," kata Yusof yang turut sama belajar di kelas malam itu.

Bangunan Sekolah Melayu Sungai Korok Lama itu dua tingkat. Letaknya kira-kira setengah kilometer dari sekolah lama Awang Had, iaitu Sekolah Melayu Seberang Perak (Lelaki).

Bangunan dua tingkat itu dibahagikan kepada beberapa buah bilik. Awang Had ditempatkan ke dalam Darjah 5A. Guru darjahnya bernama Cikgu Abdul Hamid Ali. Sikapnya baik dan tidak *cege* terhadap anak-anak muridnya.

"Mulai awal tahun ini, cikgu lantik *hang* jadi ketua darjah, Khalid!" ujar Cikgu Abdul Hamid pada suatu pagi di awal tahun.

"Tapi, cikgu...!"

"Tidak perlu *hang* nak bertapi-tapi lagi. Cikgu akan ajar kamu bagaimana hendak memimpin kelas ini dengan baik."

Pada anggapan Awang Had, perlantikan itu merupakan suatu penghargaan yang tinggi daripada Cikgu Abdul Hamid terhadapnya. Namun di sebalik penghargaan itu, Awang Had terpaksa berhadapan dengan bermacam-macam kerenah rakan-rakan yang lebih tua usia mereka daripadanya.

Awang Had begitu senang belajar dengan Cikgu Abdul Hamid. Sikap tegas guru itu terhadap disiplin dan pencapaian akademik sentiasa diberi perhatian. Namun Awang Had dan rakan-rakannya terhindar daripada dendaan yang pedih seperti mana yang dilakukan oleh guru sewaktu di Sekolah Melayu Seberang Perak (Lelaki) dulu.

Sewaktu di Darjah Lima, Awang Had telah didedahkan kepada mata pelajaran baru iaitu Pendidikan Jasmani dan Berkebun Sayur, Anyaman dan Bertukang Kayu.

Selama dua tahun belajar di Sekolah Melayu Sungai Korok Lama telah banyak menumbuhkan pengetahuan dan pengalaman Awang Had. Kegetiran hidup Awang Had bersama neneknya jelas terasa apabila berjauhan dengan ayahnya, Pak Salleh.

Awang Had terus menghadapi tempoh berkenaan dengan cecal. Kesusahan hidup tidak melemahkan semangat Awang Had untuk belajar.

Pada penggal akhir Darjah Enam, tahun kedua di sekolah berkenaan, Awang had dipanggil oleh guru besarnya, Cikgu Fadzil Abu Bakar.

"Khalid, *bang* mahu tak jadi guru pelatih?" tanya Cikgu Fadzil.

"Saya mahu, cikgu," kata Awang Had sambil mengangguk.

"Saya percaya dengan kebolehan dan kepintaran yang *bang* miliki. Pejabat Pelajaran tentu akan terima permohonan *bang*."

"Kalau begitu, apa yang patut saya buat cikgu?"

"Esok *bang* bawa dan berikan surat beranak yang asal pada cikgu untuk cikgu ajukan permohonan kepada Pejabat Pelajaran," arah Cikgu Fadzil.

Namun begitu Awang Had terpaksa menunggu beberapa lama untuk mendapatkan surat beranak yang asal. Kira-kira dua minggu setelah menerima surat beranaknya, Pak Salleh dan abang kandung Awang Had, Zainal bergegas ke Alor Setar dari Balik Pulau untuk menyerahkan surat beranak asal kepada Awang Had.

Awang Had begitu gembira menerima dokumen berkenaan. Rasa gembira tidak terkata setelah hampir satu tahun tidak bersua dengan ayah dan abang-abangnya.

PERTENGAHAN TAHUN 1950

AGI yang dingin membungkus alam sekitar bandar Alor
tar. Manusia bertali arus dengan hal masing-masing.
asana kembali aman setelah negara menempuh era
urut selama hampir dua tahun. Angka kekejaman
munis telah memaksa pemerintah berbuat demikian.
Masyarakat di sekitar Kota Tanah dan Sungai Korok,
mpat Awang Had tinggal bersama neneknya tetap
dup dalam keadaan aman dan tenteram.

Sawah padi mula menguning emas. Tiupan angin
gi menggerak-gerakkan batang padi yang sarat
mbunting.

Tangkai padi itu kelihatan melentur ke bawah sete-
sarat berisi buah emas itu.

Awang Had masih berselimut dengan sehelai gebar
ag agak lusuh. Dia bertinggung di atas pelantar
nahnya. Di dapur, bunyi gorengan keledak dan
ang menghasilkan aroma yang menyelerakan pada
ang Had. Perutnya mula berkeroncong minta diisi.
Awang Had menoleh ke arah sawah padi yang jauh
entang luas. Tangkai yang sarat berisi dengan
h emas itu terus ditatapinya.

"Ikutlah resmi padi, semakin berisi semakin tunduk," getus Awang Had sendirian.

Beberapa orang yang hendak ke sawah menegur Awang Had. Segala sapaan mereka disambut oleh Awang Had dengan bicara bahasa yang sopan.

Pandangan Awang Had dilemparkan lagi ke arah sawah padi yang menguning lebat buahnya itu. Rona matanya terpaku pada saujana sawah yang indah itu. Seketika kemudian Awang Had mula mengelamun.

Awang Had terbayang dia menjadi guru pelatih. Dia kelihatan segar dan berpakaian kemas. Baju ber-lengan panjang dengan seluar khaki yang bersaiz. Rambutnya disikat kemas, nampak jambul sedikit terjuhi ke dahi. Segala-galanya hebat dan kemas.

Pandangan Awang Had meniti pada setiap batang tubuh anak-anak yang belajar di dalam sebuah kelas. Kelas itu letaknya di sebuah perkampungan yang terpencil.

Anak-anak yang masih mentah dan kebanyakannya berkaki ayam ke sekolah itu menyebut *aksara* (huruf) satu demi satu di hadapan guru muda itu. Dia tidak *cege* sewaktu mengajar, bahkan sikap baik hati sentiasa ditunjukkan kepada anak muridnya.

Tidak ada sebarang kaedah yang digunakannya sewaktu mengajar. Pengalaman dan pengetahuannya sewaktu di Darjah Enam adalah bekalannya ketika berhadapan dengan anak murid tersebut.

Awang Had ternampak seorang murid yang duduk di belakang dalam keadaan sedih dan hampir menangis. Sebagai guru, masalah kebajikan anak muridnya wajar diambil kira. Awang Had merapah murid tersebut. Seluruh mata murid lain memerhati ke arah guru mereka.

"Kenapa dengan kamu? Kamu Sakit?" tegur Awang Had.

Budak itu masih mendiamkan diri. Kepalanya ditundukkan ke lantai. Perasaan jengkel dan rendah diri terus menguasai murid tersebut.

"Kenapa kamu nampak sedih? Kamu sakit? Atau kamu masih belum bersarapan pagi? Mari cikgu hantar kamu ke kantin," pelawan Awang Had dengan lembut.

Murid itu masih tidak mahu berganjak dari tempat duduknya. Dia tunduk ke lantai. Jari tangannya agak gementar tatkala guru muda itu mendekatinya.

Awang Had terhidu bau suatu macam menusuk ke lubang hidungnya. Bau najis! Sah murid ini telah buang air besar di dalam kelas. Awang Had menggeleng-gelengkan kepala. Namun dia tetap mengukir senyuman terhadap murid malang itu.

"Mari, cikgu hantar kamu ke bilik air. Seluar kamu perlu dicuci segera. Kalau tidak dicuci, kamu tidak dapat belajar," ajak Awang Had.

Murid-murid lain sudah tahu rakannya itu terbang air besar di dalam kelas. Masing-masing menutup hidung. Ada juga yang menutupnya hidung mereka dengan sapu tangan.

"Tidak baik kita menghina rakan. Simpan sapu tangan masing-masing dan sambung kerja kamu. Cikgu hendak bawa rakan kamu ke bilik air."

Murid-murid lain akur dengan arahan Cikgu Awang Had. Mereka membuat kerja mereka semula.

"Kelmarin, Cikgu Fadzil *mai* rumah kita. Dia nak jumpa hang!"

"Hei, cucuku! kenapa ketawa seorang diri? *Hang* sudah buang tabiatkah?"

Suara nenek mematikan lamunan Awang Had. Dia cepat-cepat tersedar. Awang Had segera membetulkan kainnya yang hendak terlondeh.

"Aaapa..apa yang tok kata tadi? Maaf, tok, Lid mengelamun sebentar tadi!"

"Hish, *bang* ni Khalid, kuat angan-angan. Petang kelmarin Cikgu Fadzil *mai* rumah kita," ujar neneknya lagi.

"Dia *mai* buat apa? Apa katanya?" tanya Awang Had.

"Dia kata nama *bang* sudah ada di Pejabat Pelajaran. *Hang* telah diterima jadi guru pelatih," kata orang tua itu dengan nada gembira. "Dia tanya *bang* sudah terima surat?"

"Belum lagi, tok. Dah berminggu Lid tunggu. Sepucuk surat pun Lid tidak terima."

"*Hang* dah tengok di kedai Pak Mat Arab tu?" tanya neneknya lagi ingin kepastian.

"Dah! Tiap-tiap hari Lid bertanya pada Pak Mat Arab. Dah jemu orang tua itu melihat muka Lid," jelas Awang Had menampakkan sedikit keresahan.

"Lid, cuba *bang* tanya pula pada Mamak Berahim posmen tu. Kalau-kalau surat *bang* ada dalam simpanannya. Dia bukan tahu siapa Awang Had." Nama *bang* berlainan dengan surat beranak. "Di kampung ni, orang panggil kau Khalid. Di surat beranak, nama *bang* Awang Had!" kata neneknya lalu masuk ke dalam menyambung kerjanya.

"Ya tak ya, juga. Huh, sekarang baru aku teringat. Barangkali Mamak Berahim posmen dan Pak Mat Arab tak tahu nama aku yang sebenar!" getusnya.

Awang Had bingkas lalu bergegas ke perigi dan terus mandi. Dia perlu segera menahan basikal Mamak Berahim posmen di tengah jalan. Sebentar lagi muncullah Mamak Barahim itu, satu-satunya posmen

tua yang memberi khidmat ke kampung Kota Tanah dan kawasan Sungai Korok itu.

Cuaca panas mentari membakar perkampungan kampung Kota Tanah dan Sungai Korok. Peluh renik mulai memercik di dahi. Awang Had memanjangkan lehernya memerhatikan basikal merah yang ditunggangi Mamak Berahim lalu ke situ.

Akhirnya Mamak Berahim menjelma di celah-celah bawah pohon kelapa dengan basikal merahnya. Di dalam raga hadapan basikalnya sarat dengan surat yang hendak dihantarnya.

Awang Had lantas menahan basikal Mamak Berahim.

"*Awat ni, bang* nak apa, Khalid?" tanya posmen tua itu dengan wajah kemerahan kerana disimbah terik matahari.

"Surat Lid Pak Berahim!"

"Surat *bang tak dak*. Anggaplah permohonan *bang* hendak jadi guru pelatih tu gagal. Pejabat Pelajaran tak hantar pun surat *bang!*" tegas Mamak Berahim.

Dia mula menyorong basikalnya ke hadapan. "Tapi, Pak Berahim.. ada tak surat yang ditulis sampulnya dengan AWANG HAD BIN SALLEH?" soal Awang Had yang mula menampakkan kebingungan.

"Ada...apa kaitan dengan *bang?*" Mamak Berahim menongkat basikalnya. Lantas dia membuka beg yang penuh berisi surat itu.

"Sebenarnya nama aku bukan Khalid tetapi nama Awang Had!" jelas Awang Had untuk meyakinkan Mamak Berahim.

"Apa? Astagfirullahalazim! Sudah lama Pak Berahim cari Awang Had bin Salleh, semua orang kampung tak tahu. Pak Berahim minta maaf. Rupanya *bang* Awang Had, *no!*"

Awang Had menyambut surat dari tangan posmen Pak Berahim itu dengan segera. Dia lantas membuka sampul di situ juga. Permohonannya sebagai guru pelatih telah diterima.

Awang Had diminta melaporkan diri ke Sekolah Melayu Gunung, yang terletak kira-kira tujuh batu dari pekan Alor Setar.

Berita Awang Had diterima sebagai guru pelatih telah disambut dengan penuh kesyukuran oleh neneknya.

Kepada gurunya, Cikgu Fadzil Abu Bakar, Awang Had mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga. Cikgu Fadzil ialah guru yang baik hati. Dia dapat mencium minat yang tersirat di sanubari Awang Had.

Perjalanan anak muda itu masih seribu liku. Dunia pendidikan mula diterokai dalam usia yang cukup muda. Benih-benih semangat ingin membangunkan anak bangsa yang masih mundur tersemat kukuh di jiwa Awang Had.

SUATU PAGI DI AWAL TAHUN 1951

WAKTU pembelajaran masa pertama sudah bermula hampir 15 minit. Sememangnya waktu yang diperuntukkan untuk setiap masa pelajaran ialah empat puluh minit.

Awang Had dan beberapa orang guru lain masih berehat. Waktu pembelajaran ketika itu diambil alih oleh guru agama dan guru pertukangan.

"Ada berita baik! Berita sensasilah, Khalid!" Rakannya, Faris Omar memulakan bicara. Tangannya erat menggenggam pena sambil membetulkan setiap kesalahan pada buku rampaian muridnya.

"Kalau ada berita baik, bagi tahulah. Aku dan Mad hendak dengar," celah Awang Had.

Sementara Cikgu Ahmad Taib mula memanggungkan kepalanya. Dia membetulkan cermin mata yang hampir terjatuh dari batang hidungnya.

"Ibu bapa puji hasil lukisan *bang*, Lid! Mereka kata lukisan yang *bang* lukis betul-betul hidup. Kalau buah kelapa yang *bang* lukis, macam buah kelapa *betul*!"

Awang Had tersengih dan terasa kembang dadanya apabila menerima pujian Cikgu Faris Omar.

Namun sikapnya sejak kecil lagi tidak suka berbangga-bangga.

"Ya, Tok Iman kampung ini minta *bang* lukis gambar awan larat sebagai hiasan masjid kampung ini," pintas Cikgu Ahmad Taib.

"Terima kasih. Apa salahnya asalkan kalau ada masa dan tidak banyak kerja sekolah, aku sanggup tolong. Dapat pahala berganda kalau kita memakmurkan masjid!" tegas Awang Had.

"Lepas itu, apa berita sensasi lagi?"

"Seorang murid perempuan!" Cikgu Faris Omar hampir menutup mulutnya apabila ingin mengeluarkan kenyataan seterusnya. "Murid tu syok kat *bang*!" Cikgu Faris Omar memperlahankan suaranya.

"Hish, mengarutlah! Apa betul cerita *bang* ni atau main serkap jarang saja?" tanya Awang Had. Dadanya mula berdebar. Bala pula menimpa ke atas dirinya.

Sebelum bertugas, neneknya berkali-kali berpesan supaya jangan berkelakuan tidak senonoh di kampung orang.

"Tapi aku belum pernah berbual dengannya. Kalau berbual pun sekadar anak murid dengan guru. Takkan sampai jadi begitu pula. Aku mesti maklumkan perkara ini dengan segera kepada nenek supaya dia dapat berikhtiar memberi nasihat sebagai satu pelindung!" getus Awang Had.

Berita murid perempuan sekolah itu menaruh hati terhadap Awang Had tidaklah lama. Hasil ikhtiar neneknya memberi nasihat sebagai pelindung, peristiwa itu lenyap begitu sahaja.

Kini Awang Had dapat menghadapi tugasnya dengan tenang.

Setiap hujung minggu, Awang Had dan rakan-rakannya berbasikal ke Sekolah Melayu Kanchut.

Alor Setar. Di sekolah berkenaan, mereka dikehendaki mendalami mata pelajaran Ilmu Hisab dan Bahasa Melayu.

Kelas itu dibuat semata-mata sebagai persediaan untuk guru pelatih menghadapi peperiksaan untuk masuk ke *Sultan Idris Training College* di Tanjong Malim.

Awang Had mengikuti pelajaran di hujung minggu itu dengan tekun. Perkara itu sudah dialaminya sewaktu di bangku sekolah. Semangat kegigihannya untuk belajar itu tetap membuahkan hasil yang mem-berangsangkan.

Awang Had lulus dalam peperiksaan untuk melayakkan beliau melanjutkan pelajaran ke *Sultan Idris Training College*. Dia adalah antara lapan orang calon yang layak daripada seramai seratus orang calon yang mengikuti peperiksaan tersebut.

Berita tentang kejayaan Awang Had itu menjadi heboh seluruh masyarakat Kota Tanah dan Sungai Korok. Neneknya sangat bangga apabila menerima berita tersebut.

"Nampaknya sekarang *bang* akan menempuh era baru dalam kehidupan. Bukan senang hendak terpilih ke SITC. Hanya *depa* yang mempunyai kelulusan akademik yang cemerlang baru diterima masuk," jelas Cikgu Fadzil sewaktu mengunjungi Awang Had kira-kira seminggu sebelum berangkat.

"SITC ialah maktab perguruan yang ternama. Sesiapa yang dapat memasukinya, alangkah beruntungnya manusia itu. Apalah nasib aku! Aku tidak secerdik *bang*!" akui bapa saudara Awang Had, Omar Rojik.

Awang Had memegang bahu bapa saudaranya itu. Dia berkata, "Setiap insan sudah ditentukan nasibnya

oleh Allah. Namun kita perlu berusaha. Setiap usaha kalau diiringi dengan doa, insyaAllah Tuhan akan makbulkan permintaan kita."

"Betul kata Lid tu, Omar. Mungkin Lid lebih berusaha jika dibandingkan dengan *bang*," celah Cikgu Fadzil yang mengikuti perbualan itu.

"Kalau *bang* dah tak ada di kampug ni, aku pun nak merantau!" Omar Rojik membuat keputusan secara tiba-tiba.

Nenek, Cikgu Fadzil, dan Awang Had terkejut dengan kenyataan Omar Rojik yang agak bersungguh-sungguh itu.

"Ke mana Bang Omar *nak pi*?" tanya Awang Had.

"Singapura. Aku akan mencuba nasib di sana," jelas Omar Rojik tegas. "Duduk di Alor Setar ni pun goyang kaki saja. Jadi, lebih baik aku ke sana jadi bintang filem!" sambung Omar Rojik dengan nada bersungguh-sungguh.

PERTENGAHAN TAHUN 1957

BUNYI peluit kereta api bergema di Stesen Kereta api Alor setar. Gegaran akibat kekuatan enjin mengheret gerabak mulai terasa ke seluruh anggota badan. Bunyi roda besi bergesel dengan rel mulai kedengaran.

Pak Yet, Ahamad Maidin, Sharani, Faris Omar, Ahmad Taib, serta rakan perempuan sekampung Awang Had seperti Aishah, Hajar dan Norbayah sekadar memerhati sambil melambaikan tangan setelah gerabak mulai bergerak.

"Baik-baik, Lid sewaktu di rantau orang. Jangan lupa sembahyang dan kirim surat setelah *bang* tiba di sana nanti," pesan neneknya sebelum berangkat tadi.


Awang Had begitu sedih meninggalkan neneknya keseorangan. Perasaan terharu menyelinap ke dalam hati meninggalkan kampung halaman serta rakan taulan yang menjadi tempat bermanja dan berhibur.

Namun peluang sebegitu patut direbut. SITC ialah maktab yang terulung dan cukup prestij pada waktu berkenaan. Setiap guru pelatih memang impikan untuk menjejakkan kaki ke maktab yang terletak di Tanjong Malim itu.

Kini Awang Had sudah menggenggam hasrat dan cita-cita yang begitu sukar dilepaskan. Ingatannya kembali kepada wajah Cikgu Fadzil yang banyak membantunya sehingga dia berjaya ke SITC Tanjong Malim.

Kereta api yang agak uzur terus meluncur laju. Bunyi gegaran enjin di hadapan serta diselang seli dengan pekikan peluitnya terus membingit telinga Awang Had dan para penumpang yang lain.

Penumpang-penumpang di dalam gerabak itu masing-masing berdiam diri. Ada dua tiga orang yang sebaya dengan Awang Had berpandangan ke arahnya. Barangkali mereka ini sehaluan dengan aku, getus Awang Had.



Ayah Awang Had Salleh

Maktab yang dibina pada tahun 1922 itu menggamit Awang Had dan rakan-rakannya. Bas SITC yang menunggu mereka di Stesen Kereta Api itu sedia memunggah beg-beg kebanyakan guru pelatih yang baru mendaftarkan diri.

Bangunan yang terdiri daripada beberapa blok tersergam dengan ciri-ciri binaan British. Setiap blok dihubungkan ke dewan makan, berbentuk 'Gajah Menyusur'

Setiap lorong dan celah-celah bangunan dihiasi dengan bunga-bunga yang indah dan menarik. Keadaan ini jauh berbeza daripada persekitaran sekolah-sekolah Melayu di negeri Kedah.

Setiap kali tiba waktu makan, loceng agung akan berbunyi memanggil guru pelatih yang menginap di asrama hadir ke dewan makan.

Segala kemudahan disediakan untuk guru-guru pelatih bersukan seperti gelanggang tenis, bola tampar, padang bola sepak serta padang rekreasi yang lain.

Kehidupan di SITC sentiasa dikawal dengan peraturan ala penjajahan British. Keadaan ini jauh berlainan sewaktu Awang Had hidup di kampung dulu. Namun Awang Had dapat menghadapi situasi berkenaan dengan penuh keyakinan dan tidak mempersia-siakan kehadirannya ke maktab bersejarah itu.

Suara azan terus bergema dari arah surau maktab setiap kali masuk waktu sembahyang. Azan yang nyaring ini telah menyentuh hati dan sanubari Awang Had. Dia lantas teringat akan kampung halamannya di Alor Setar. Wajah nenek dan rakan-rakannya silih berganti di kotak fikirannya.

Awang Had ditempatkan di asrama Bendahara Seri Maharaja dengan beberapa orang rakannya dari negeri Kelantan, Pahang, Johor, Selangor dan Pulau Pinang.

Pak Salleh tentu gembira setelah mendapat berita Awang Had melanjutkan latihan perguruan ke Tanjong Malim.

Semasa menjalani kursus *Junior Technician* di Kepong, Selangor, Pak Salleh sempat menziarahi anaknya di Tanjong Malim.

Pak Salleh terpegun dan terkasima buat seketika setelah bertemu dengan Awang Had. Air matanya mulai membasahi pipi. Begitu juga dengan Awang Had. Dia tidak dapat menahan sebak setelah lama tidak bersua dengan Pak Salleh, ayahnya.

Ada dua sebab mengapa pertemuan tragis itu membuahkan kepiluan masing-masing. Selain daripada kejayaan Awang Had mencapai setakah lagi kemajuan dalam hidupnya, Pak Salleh mengenangkan nasib Awang Had yang terpisah dengannya semenjak beberapa lama.

Semenjak kecil lagi, Awang Had dipelihara oleh neneknya lantaran Pak Salleh sering bertukar tempat kerja sebagai juruteknik Telekom.

Pak Salleh melihat persekitaran maktab perguruan yang tertua itu sebagai pusat ilmu untuk melatih tenaga guru yang bakal mendidik anak bangsa. Pak Salleh berangan-angan juga suatu ketika dulu untuk ke maktab berkenaan. Tetapi cita-citanya terbantut.

Pertemuan singkat itu membuahkan semangat yang membara di jiwa Awang Had. Pak Salleh memberi kata-kata perangsang untuk anaknya. Selain itu, kesedihan terus mencengkam tatkala saat berpisah antara dua beranak itu.

"Ambillah pen ayah ini sebagai kenangan," ujar Pak Salleh. "Tidak ada apa yang ayah dapat tinggalkan untuk *bang* kecuali pen ini!" sambung Pak Salleh sambil memberikan sebatang pen Parker kepada Awang Had.

"Terima kasih, ayah. InsyaAllah segala nasihat ayah akan saya kenang hingga ke akhir hayat," balas Awang Had.

Juraian air mata sekali lagi menuruni lurah pipinya apabila tiba saat-saat berpisah dengan Pak Salleh.

Semasa di maktab, Awang Had amat mengagumi tokoh-tokoh guru yang menyemarak semangat nasionalisma, bahasa dan kesusasteraan tanah air.

Tokoh-tokoh itu merupakan bekas penuntut SITC dan juga pensyarah-pensyarah yang memberi kuliah kepada Awang Had.

Antara tokoh-tokoh kelahiran SITC Tanjong Malim ialah Pendita Za'ba, Gaffar Baba, Ahmad Bakhtiar, Aminuddin Baki, Harun Aminurashid dan banyak lagi tokoh yang menjadi pemimpin hingga kini.

Melalui lidah dan pena tokoh-tokoh berkenaan telah menggoncang sebahagian politik tanah air yang diterajui oleh penjajah British.



Ketika di maktab, Awang Had Salleh juga berminat dalam bidang muzik.

Selama tiga tahun di maktab, Awang Had telah lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan akhir perguruan. Di samping itu, Awang Had juga memperolehi kecemerlangan dalam bidang ko-kurikulum.

Awang Had aktif dalam kegiatan muzik, bahasa, dan Persatuan Penuntut SITC Tanjong Malim.

Kejayaan dan penglibatan aktif Awang Had membolehkan pengetua dan para pensyarah bersetuju menganugerahkan Awang Had dua hadiah utama yang menjadi idaman setiap guru pelatih di situ.

Dalam suatu majlis Konvokesyen, Awang Had telah diberi anugerah "Hadiah Abdul Jalil" dan "Hadiah Lebai Jaafar" dan mendapat sijil pertama dalam anugerah sempena kejayaannya dalam akademik.

AWAL TAHUN 1954

SELESAI bercuti di Singapura bersama nenek dan bapa saudaranya, Awang Had pulang ke Alor Setar, Kedah untuk memulakan tugasnya sebagai guru.

Sekolah tempat Awang Had mengajar ialah Sekolah Melayu Derga. Sekolah itu terdiri daripada sebuah



Awang Had Salleh (tiga dari kiri) bergambar bersama muridnya sewaktu mengajar di Sekolah Kebangsaan Derga, Alor Setar, Kedah pada tahun 1956.

bangunan lama yang berlantai dan berdingding papan, berbumbung genting melengkung dan sebuah blok bangunan simen yang berbumbung genting lepar.

Padang bolanya ditumbuhi rumput-rumput yang bertampung-tampung dengan tanah gondol. Tatkala hujan lebat, air bertakung di sana sini dan keadaan itu menyebabkan murid suka bermain di situ.

Keadaan ini jauh berbeza dengan sekolah Inggeris yang didirikan berhampiran sekolah tersebut. Sekolah berkenaan mempunyai bangunan yang lengkap dengan pelbagai kemudahan.

Pada suatu tengah hari, ketika mengajar Cikgu Radzi Ahmad mengenakan seluar pendek tanpa memakai baju.

"Inilah sikap penjajah kepada kita. Sekolah Melayu telah dianaktirikan. Cuba *bang* lihat dan bandingkan sekolah kita dengan sekolah anak emas penjajah di sana itu," rungut Cikgu Radzi sambil menuding telunjuknya ke arah bangunan sekolah Inggeris.

"Yalah cikgu, sekarang ini pendidikan dan politik dapat mengubah nasib bangsa kita!" balas Awang Had.

Ketika bapa saudaranya, Omar Rojik pulang ke Kedah menghantar nenek untuk tinggal di kampung, dia sempat mengunjungi Awang Had.

"Berapa gaji *bang*, Khalid?" tanya Pak Su Omar Rojik.

"Kalau aku dapat gred III, gaji aku RM120 sebulan. Kalau aku dapat gred II, gaji aku RM126 sebulan. Tapi aku dapat gred I, sebab itu gaji aku RM132 sebulan!"

"Cuma RM132 sebulan?" Pak Su Omar Rojik terkejut. Macam ini sampai bila pun *bang* tidak dapat pakai motokar!" sambung Pak Su Omar lagi.

"Eh, ke situ pula perginya!" ujar Awang Had di benaknya. "Tidakkah kita sudah ditakdirkan oleh

Tuhan untuk hidup sebagai anggota kelas bawahan yang tidak patut sekali-kali mengimpikan untuk memiliki motokar," ujar Awang Had di benaknya.

"*Hang* tengok betapa susahny hidup kita sebelum ini. Tok *bang* buat kuih untuk dijual. Aku tidak ada kerja masa itu. Adakah siapa-siapa yang menolong kita? Tak ada seorang pun manusia yang bertimbang rasa dan hormat kepada kita. Kalau hidup macam sekarang ini juga, bolehlah sekadar nak hidup, tapi orang takkan hormatkan kita. *Hang* kenalah belajar lagi. Niat di hati *bang* mestilah pada suatu hari nanti, dapat memiliki motokar. Masa tu barulah *bang* sudah tebus balik maruah keluarga kita," tegas Pak Su Omar Rojik.

Kata-kata Pak Su Omar Rojik mulai mencabar benak Awang had. Di jiwanya mulai tertanam hasrat untuk meningkatkan kehidupan dengan belajar lagi. Awang Had bercita-cita untuk mengambil peperiksaan *Senior Certificate*.

Awang Had menyambut cabaran bapa saudaranya, Omar Rojik dengan memulakan langkah pertamanya memasuki kelas khas guru-guru Melayu. Mereka belajar untuk menguasai bahasa Inggeris dan juga Matematik. Di samping itu, mereka perlu membuat persediaan untuk menduduki *Lower Certificate of Education*.

Awang Had berguru dengan Cikgu Abu Hassan Ali dan Puan Ramaswamy. Manakala rakan Awang Had terdiri daripada Mohd Noor Azam, Mat Nanyan Saad, Ishak Yaakub, Wan Mansor Wan Dewa, Hasan Zahid, Ismail Omar, Sanusi Othman dan Ismail Hassan turut menyertai kelas khas itu.

Pada tahun 1956, Awang Had serta rakan-rakannya yang sama-sama mengikuti kelas khas berkenaan

telah lulus peperiksaan *Lower Certificate of Education* dengan cemerlang.

Pada tahun yang sama, Awang Had menerima surat rasmi daripada Nazir Sekolah-sekolah Melayu supaya memulakan tugas baru sebagai guru Bahasa Kebangsaan di *Sultan Abdul Hamid College*.



Awang Had Salleh pernah menjadi Guru Bahasa di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah.

Pada akhir tahun 1957, Awang Had dan beberapa orang guru lain terpilih untuk mengikuti kursus selama setahun di Maktab Bahasa Bukit Senyum, Johor Bahru. Dalam tahun yang sama juga, Awang Had telah lulus dalam peperiksaan *Federation of Malaya of Certificate of Education*.

Sewaktu menuntut di Maktab Perguruan Bahasa, fikiran Awang Had terbuka kepada ilmu-ilmu yang canggih terutamanya berhubung dengan bahasa dan linguistik.

Awang Had mula menulis makalah yang berhubung dengan bahasa dan linguistik sewaktu di maktab

berkenaan. Penglibatan Awang Had dalam bidang penulisan sudah bermula pada tahun 1954, setelah sajaknya yang pertama berjudul 'Kisah Semalam' tersiar di majalah Guru.



Awang Had Salleh (dua dari kanan) bersama-sama rakannya ketika mengikuti kursus di Maktab Bahasa, Bukit Senyum, Johor Bharu pada tahun 1958.

Pada akhir tahun 1958, Awang Had sekali lagi menghadapi peperiksaan akhir Maktab Perguruan Bahasa. Beliau lulus dengan cemerlang.

Setelah tamat kursus, Awang Had memulakan tugasnya semula sebagai guru bahasa di *Sultan Abdul Hamid College*.

Beberapa bulan kemudian, setelah pulang dari mengajar tengah hari itu, Awang Had dikunjungi oleh Abu Hassan Ali, pensyarah di Pusat Latihan Harian, Alor Setar.

"Lid!" panggil Abu Hassan. "Lekas, tukar pakaian. Mari ikut aku ke Pejabat Pelajaran," sambungnya.

"Untuk apa?" Awang Had bertanya.

“Marilah ikut aku,” gesanya lagi.

Setibanya di Pejabat Pelajaran Alor Setar, Abu Hassan Ali terus meminta borang untuk memasuki peperiksaan HSC (sekarang STPM). Rupa-rupanya barulah Awang Had tahu sahabatnya itu mengajak menemaninya untuk mengambil borang peperiksaan tersebut.

“Nah, Lid! *Hang* isi borang ini. Tahun ini kita ambil HSC. Jangan banyak fikir lagi. Isilah borang kemasukan itu segera,” ujar Abu Hassan selamba.

Awang Had menyambut cabaran rakannya itu. Mereka sama-sama berdiskusi membincangkan pelajaran peperiksaan yang mereka akan hadapi tahun tersebut.

Pada tahun 1959, tuah menyebelahi Awang Had apabila beliau diterima menjadi penolong pensyarah bahasa Melayu di Pusat Latihan Harian Alor Setar. Beliau memulakan tugas dengan bangga dan berazam untuk lulus dalam HSC.

Pada awal tahun 1960, Awang Had mendapat berita gembira. Keputusan peperiksaan HSC telah diumumkan dan beliau telah lulus dengan mendapat prinsipal bagi semua mata pelajaran yang diambalnya.

Cita-cita Awang Had untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya gagal buat seketika. Ini adalah kerana beberapa masalah yang dihadapinya. Awang Had menanggung buat sementara untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya.

Kata pepatah; “Takkan lari gunung dikejar”, begitulah cita-cita Awang Had untuk melanjutkan pelajarannya ke peringkat universiti akhirnya tertunai juga. Pada tahun 1961, Awang Had diterima masuk ke University Malaya.

Beliau melepaskan jawatannya sebagai pensyarah dan meninggalkan saudara-maranya buat seketika untuk memenuhi ilmu di dada.

Awang Had memilih fakulti Pengajian Melayu semasa menuntut di Universiti Malaya.

BAKAT DALAM BIDANG PENULISAN

BAKAT Awang Had dalam bidang penulisan terserlah sewaktu menuntut di Universiti Malaya. Bidang pengajian Melayu yang diikutinya, membolehkan Awang Had menelusi setiap bidang bahasa dan sastera.

Dalam tempoh pengajian, Awang Had kerap menulis cerpen. Cerpen pertama Awang Had berjudul Simpati yang tersiar di Berita Harian. Cerpen itu memenangi hadiah sebanyak RM100 merupakan cerpen terbaik mingguan kelolaan akhbar berkenaan.

Selain itu, Awang Had menghasilkan cerpen Di Antara Dua Dunia, Si Tampung, Bibir dan Air mata, dan Kesan Perasaanku.

Penglibatan Awang Had yang aktif dalam bidang penulisan sastera mendapat pujian daripada ketua Jabatan Pengajian Melayu, iaitu Profesor R.Roolvink.

Pada tahun 1963, ketika menghabiskan cuti semester Universiti, Awang Had melamar kerja sementara di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pena Awang Had kian tajam. Bakat kreatifnya digilap sewaktu bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka.



Awang Had Salleh bertugas sementara di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur bagi mengisi cuti penggal ketika beliau masih menuntut di Universiti Malaya pada tahun 1963

Minat Awang Had terhadap sastera kreatif terus mendapat galakan daripada tokoh-tokoh sastera terkenal seperti Allahyarham Keris Mas, Usman Awang dan Abdul Samad Ahmad.

Semasa menuntut di Universiti Malaya, Awang Had diberi peluang menerajui Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) sebagai presiden bagi sesi 1963/1964.

Dalam tempoh pengajiannya itu, banyaklah kegiatan ko-kurikulum peringkat universiti telah dikelolakan oleh Awang Had berserta rakannya. Hasil karya Awang Had yang dianggap terkenal ialah novel *Biru Warna* dan drama *Buat Menyapu Si Air Mata*.

Awang Had menamatkan pengajiannya di Universiti Malaya dengan mendapat kelulusan cemerlang iaitu memperolehi ijazah Kelas Pertama dalam Pengajian Melayu.

Peluang yang ditunggu-tunggu oleh Awang Had untuk meningkatkan takah kerjayanya pun hampir. Setelah tamat pengajian di Universiti Malaya, Awang Had telah ditawarkan bekerja sebagai pensyarah di Maktab Perguruan Bahasa (Sekarang Institut Bahasa, Kuala Lumpur).

Dalam kesempatan bertugas itu, Awang Had telah bertemu kembali dengan guru-guru bahasa yang mengajarnya sewaktu mengikuti kursus di Maktab Perguruan Bahasa, Johor Bahru tahun 1958 dulu.

Awang Had amat menyenangi bertugas bersama-sama pensyarahnya dulu seperti Mokhtar Mohd Dom, Nordin Bachik, Ku Bahador Ku Baharom, Yusof Muhammad, Mustafa Kamal Yasin, dan Othman Mohamed. Pertemuan itu telah menimbulkan semangat perjuangan untuk mendaulatkan bahasa serta mengembangkan ilmu kepada pelajarnya.

Semangat Awang Had untuk terus mendaki ke puncak kejayaan melalui pelajaran kian memberangsangkan. Pada tahun 1966, Awang Had terus mengikuti ijazah Sarjana Muda Pendidikan secara sambilan (pos ijazah). Semangat yang ditunjukkan oleh Awang Had terus mengagumi rakan-rakannya.

Pada tahun yang sama juga, Awang Had terus mendapat tawaran sebagai pensyarah di dua buah universiti iaitu Universiti Malaya dan Universiti Singapura dalam bidang Pengajian Melayu dan Pendidikan.

Awang Had mengambil keputusan memilih Universiti Malaya sebagai menyambung tradisi keilmuan. Tambahan pula universiti berkenaan terletak di tanah airnya sendiri.

Pada awal Januari tahun 1967, Awang Had melaporkan diri bertugas dengan Universiti Malaya di Fakulti

Pendidikan. Di situ, Awang Had ditugaskan mengajar Sosiologi Pendidikan dan Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama dan Kedua.

Pada waktu yang sama, Awang Had bukan sahaja bekerja sebagai pensyarah di situ, malah beliau sebagai pelajar telah bertungkus-lumus menyambung pengajian pos ijazah dalam Sarjana Muda Pendidikan.

Berkat kesungguhan dan kecekalannya mengharungi pembelajaran di samping tugas, idaman Awang Had terlaksana juga. Beliau memperolehi ijazah berkenaan dalam tahun itu juga.

Pada tahun 1969, Awang Had sekali lagi ditawarkan oleh pihak universiti untuk melanjutkan pengajian yang tertinggi sekali iaitu ke peringkat Ph.D.



Awang Had Salleh ketika menerima Ijazah Kehormat Doktor Persuratan (LL.D) di University Brock, Kanada.

Tawaran ini diterima oleh Awang Had melalui permohonan yang dibuat kepada pihak universiti. Beliau berserta keluarga berangkat meneruskan pengajian di *Stanford University*, Amerika Syarikat.

Semasa meneruskan pengajian di Amerika, Awang Had bersama keluarganya sempat menjelajah ke seluruh pelosok negara tersebut. Beliau dapat menyelami kebudayaan rakyat Amerika di samping perkembangan teknologi negara berkenaan.

KECEMERLANGAN DALAM BIDANG AKADEMIK

DALAM bulan September 1972, Awang Had kembali bertugas semula di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Beliau ditugaskan mengendalikan beberapa Kursus ijazah seperti Kaedah Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu dan Interaksi Sosial Dalam Pendidikan bagi program sarjana.

Pengalamannya mengaut ilmu di luar negeri membolehkan Awang Had meneruskan usaha membuat penyelidikan sosial ke atas kaum nelayan dan petani di beberapa buah negeri. Program ini merupakan anjuran "*Malayan Centre of Development Studies*".

Pada tahun 1973/74, Awang Had terpilih menjadi Pengerusi Bahagian Pengajian Sosiologi dan Pendidikan, di Fakulti Pendidikan.

Pada tahun 1974/75, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Dekan di fakulti berkenaan. Kecemerlangannya dalam bidang akademik serta tugas membuatkan Awang Had sentiasa mendapat perhatian pelajar, pensyarah, rakan-rakan serta kalangan intelektual lainnya.

Pada tahun 1975, Awang Had Salleh dilantik menjadi Timbalan Naib Canselor yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran hal ehwal pelajar Universiti Malaya.

Walaupun jawatan itu agak banyak melibatkan soal pentadbiran universiti, berlainan dengan bidang yang diminati oleh Awang Had iaitu pendidikan, namun kecenderungan dan minatnya terus tertumpah dengan menyampaikan buah fikiran yang terulung terhadap pembangunan pendidikan tanah air.

Menjelang saat-saat akhir kerjayanya dalam pendidikan, Awang Had pernah dilantik sebagai Pengarah Institut Teknologi Mara, Shah Alam, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Utara Malaysia.

Jawatan terakhir sebelum beliau bersara pada tahun 1990 ialah Penasihat Khas kepada Kementerian Pendidikan Malaysia.



Awang Had Salleh pernah bertugas dengan Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Penasihat Khas sedang mengiringi Datuk Seri Anwar Ibrahim pada ketika itu menjadi Menteri Pendidikan Malaysia. Gambar ini dirakamkan pada tahun 1991.

Awang Had Salleh terus menjadi tokoh rujukan masyarakat di mana buah fikirannya dalam bidang pendidikan terus mendapat perhatian pelbagai tokoh akademik dan institusi pengajian tinggi di tanah air kita.

Malah minatnya yang mendalam terhadap sastera, muzik, budaya, dan perfileman telah mendapat perhatian ramai. Kini Awang Had menjawat jawatan sebagai Ketua Eksekutif/ Perunding di Akademi Filem Malaysia.